

Pemuda dipenjara 18 bulan kerana lupus basikal curi, cuba curi basikal

SIBU: Seorang pemuda dijatuhi hukuman penjara 18 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas dua pertuduhan iaitu melupuskan basikal curi dan cuba mencuri sebuah basikal.

Majistret Oon Kork Chern terdahulu menjatuhkan hukuman penjara lapan bulan terhadap Mohamad Faizal Mohamad Jawarie, 29, bagi pertuduhan membantu melupuskan harta curi iaitu sebuah basikal.

Diadidakwa melakukan kesalahan itu pada 25 April 2025, jam lebih kurang 4.02 petang di sebuah rumah di Lorong Teku 27G, satu kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 414 Kanun Keseksaan.

Sementara bagi pertuduhan kedua, Faizal didakwa atas pertuduhan cuba mencuri sebuah basikal namun gagal pada 8 Mac 2025, jam lebih kurang 2.30 petang di sebuah rumah di Lorong Teku 27G.

Bagi pertuduhan ini, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 511 Kanun Keseksaan.

Mahkamah memerintahkan Faizal menjalani hukuman

penjara itu secara berasingan.

Berdasarkan fakta kes, pada 25 April 2025, kira-kira jam 4.02 petang, isteri pengadu memaklumkan kepada pengadu mengenai bunyi bising di luar rumah mereka di Lorong Teku 27G.

Pengadu kemudian keluar untuk memeriksa dan mendapati sebuah basikal yang diletakkan di hadapan rumah telah hilang, dipercayai telah dicuri. Kerugian dianggarkan sebanyak RM700.

Pada 8 Mei 2025, kira-kira jam 2.30 petang, pengadu sekali lagi mendengar bunyi bising di luar rumah sebelum terlihat seorang lelaki tidak dikenali memanjat pagar rumah dan cuba mencuri basikal yang diletakkan di tempat parkir rumah pengadu.

Pengadu kemudian menjerit menyebabkan lelaki tersebut memanjat pagar semula bagi melarikan diri, di mana perbuatan itu telah dirakam oleh kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di luar rumah pengadu.

Pada 18 Mei 2025, kira-kira jam 7.30 malam, pihak polis telah menahan seorang lelaki iaitu tertuduh di tepi Lebuhraya Tinggi bagi membantu siasatan.